

13 JUL 2001

Mahathir-Wawasan

SEMUA KAUM PATUT TERLIBAT JAYAKAN WAWASAN 2020

KUANTAN, 13 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menerusi Wawasan 2020 perlu melibatkan semua kaum.

Perdana Menteri berkata kerjasama semua kaum dalam bidang politik dan bidang lain penting untuk memastikan tidak ada kaum yang ketinggalan.

"Kita nak mencapai Wawasan 2020 bersama. Kita tidak mahu ada yang sampai dulu dan ada yang di belakang," katanya ketika berucap pada majlis jamuan anjuran Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia di sini, malam ini.

Antara yang hadir ialah isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob dan Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Perdana Menteri berkata dalam prinsip Confusius, perasaan kasihan dan saling memahami dilihat mampu untuk membawa kepada pencapaian matlamat bersama.

"Kita akan dapat hidup dalam keadaan aman (jika saling sayang menyayangi).

"Kita juga akan merasa kasihan kepada mereka yang tidak bernasib baik seperti kita dan kita akan saling memahami satu sama lain," katanya.

Perdana Menteri berkata Malaysia mencapai kemajuan yang membanggakan selepas merdeka berdasarkan pendapatan per kapita penduduk iaitu AS\$300 pada masa itu berbanding AS\$4,000 sekarang.

Dr Mahathir berkata orang Cina telah dapat membangunkan perniagaan selepas merdeka dengan bebas berbanding sebelum merdeka berikutan banyaknya sekatan daripada penjajah.

Beliau berkata adalah penting untuk menjaga keamanan demi mencapai kejayaan bersama.

--BERNAMA

MS HIS SHI NAK